

AM

WOU TAWAR BIASISWA UNTUK PEMBANGUNAN TENAGA MAHIR DI PULAU PINANG



Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow.

28/08/2023 10:26 PM

ADVERTISEMENT



GEORGE TOWN, 28 Ogos (Bernama) -- Wawasan Open University (WOU) dengan kerjasama kerajaan negeri dan Perbadan (PWDC) Pulau Pinang menawarkan 12 biasiswa penuh kepada pelajar yang layak bagi mengikuti program ijazah sarjana m

Pinang

Ketua Eksekutif dan Naib Canselor WOU Prof Dr Lily Chan berkata 12 biasiswa penuh keseluruhan bernilai RM700,000 ini kerja berkemahiran tinggi, berpengetahuan dan berdaya saing di peringkat global yang akan memacu kekuatan negeri itu se

tenaga
ra.

Beliau berkata di bawah WOU-PWDC, pihak universiti akan memberikan tiga biasiswa kepada wanita warga Malaysia menetap di Pulau Pinang yang layak untuk

“Selain itu, untuk terus menyokong komuniti tempatan di negeri ini, kami akan tawarkan sembilan biasiswa eksklusif kepada warga Malaysia yang lahir dan menetap di Pulau Pinang.

“Enam daripada biasiswa ini untuk pelajar yang mendaftar bagi program ijazah sarjana muda yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Teknologi Digital kami, manakala baki tiga lagi untuk pelajar yang mendaftar dalam mana-mana program WOU lain,” katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Penajaan Biasiswa Khas oleh WOU untuk Warga Pulau Pinang di sini hari ini.

ADVERTISEMENT

Sementara itu, Ketua Menteri Chow Kon Yeow berkata biasiswa itu, yang terdiri daripada dua kategori berbeza, memberi penekanan kepada aspek keterangkuman dan pembangunan kemahiran sebagai pendekatan bagi menangani jurang pendidikan dan jantina.

Beliau berkata lepasan universiti itu nanti bukan sahaja memperoleh ijazah tetapi juga kemahiran mendalam yang seiring dengan keperluan industri dalam era transformasi yang dipacu teknologi kini.

“Pendirian progresif ini selaras dengan cita-cita bersama untuk memperkasa rakyat dan melengkapkan mereka dengan kemahiran yang diperlukan dalam dunia yang progresif,” katanya.

-- BERNAMA

ADVERTISEMENT

**Register now & visit M
Most Anticipated Engi
& HVAC Exhibition.**

ENGINEER & MARVEX

BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 IFLIX dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan RM100.9 (Kuching).

Ikuti kami di media sosial :

Facebook : [@bernamaofficial](#), [@bernamatv](#), [@bernamaradio](#)

Twitter : [@bernama.com](#), [@BernamaTV](#), [@bernamaradio](#)

Instagram : [@bernamaofficial](#), [@bernamatvofficial](#), [@bernamaradioofficial](#)

TikTok : [@bernamaofficial](#)